

DARI ZAINOOR SULAIMAN

1981

MELBOURNE, 26 SEPT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA PERTUBUHAN KOMANWEL MASIH PERLU ADA TETAPI MENEKANKAN LANGKAH—LANGKAH SEPATUTNYA DIAMBIL EKORAN DARI PERUNDINGAN TENTANG MASALAH—MASALAH OLEH KETUA—KETUA NEGARA ANGGOTA.

DALAM SATU TEMURAMAH DENGAN SEBUAH AKHBAR MELBOURNE, THE AGE, YANG DISIARKAN DI SINI HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENYEDARI YANG KOMANWEL MEMPUYAI BEBERAPA Kebaikan DAN MALAYSIA PERLU MENJADI ANGGOTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA KOMANWEL ADALAH PERLU TETAPI TERDAPAT PERBEZAAN ANTARA PERSIDANGAN KETUA—KETUA NEGARA KOMANWEL DAN PERTUBUHAN—ITU SENDIRI.

+ADALAH TIDAK MEMADAI YANG KETUA—KETUA NEGARA KOMANWEL BERBINCANG ANTARA SATU SAMA LAIN TETAPI PERBINCANGAN ITU HARUS DIKUTI DENGAN LANGKAH—LANGKAH POSITIF, + — BERSAMBUNG 1755/1B

B576:

KOMANWEL—MAHATHIR 2 MELBOURNE

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN HUBUNGAN RASMI ANTARA AUSTRALIA DAN MALAYSIA +SEPERTI BIASA+ DAN MENAMBAH BELIAU TIDAK AKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU SEKALIPUN IA DIADAKAN DI TEMPAT LAIN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA YANG SEBILANGAN NEGARA—NEGARA MAJU ANGGOTA KOMANWEL TELAH MENGURANGKAN BILANGAN TEMPAT BAGI PELAJAR—PELAJAR MALAYSIA, MENGENAKAN YURAN YANG TINGGI DAN MEMAKAI DASAR YANG DISIFATKAN BELIAU +SATU PENEKANAN+.

KATANYA DASAR KEMASUKAN WARGANEGARA ASING AUSTRALIA YANG +MENGENAKAN BERBAGAI PERATURAN KEPADA MEREKA YANG INGIN BERHIJRAH KE NEGARA ITU+ JUGA TIDAK MENYENANGKAN MALAYSIA.

+PERKARA ITU TIDAK MENYENANGKAN KAMI KERANA AUSTRALIA CENDERONG MENGAMBIL WARGANEGARA MALAYSIA YANG TERBAIK SAHAJA. KAMI JUGA INGIN MELIHAT AUSTRALIA MENGAMBIL PENGANGGUR YANG INGIN BEKERJA SEBAGAI BURUH MENETAP DI SANA.

+GOLONGAN INI JUGA INGIN MENETAP DI AUSTRALIA TETAPI NEGARA ITU HANYA MENGAMBIL PARA DOKTOR, PEGUAM, JURUTERA...+KATANYA. — BERSAMBUNG 1758/1B

B577:

KOMANWEL—MAHATHIR 3 MELBOURNE

DR. MAHATHIR JUGA MENKRITIK KERAS BAGAIMANA MEDIA MASA NEGARA—NEGARA KOMANWEL YANG MAJU MELAPORKAN PERISTIWA—PERISTIWA DI MALAYSIA.

KATANYA: + NAMAPKNYA TERDAPAT TREN YANG DISENGAJAKAN UNTUK TIDAK MEMAHAMI DASAR—DASAR MALAYSIA, SEBAGIANNYA DISEBABKAN OLEH LAPORAN YANG TELAH DIBUAT OLEH AKHBAR—AKHBAR LUAR NEGERI TERHADAP APA YANG BERLAKU DI MALAYSIA.

+SEBAGIANNYA ADALAH ANTI—MELAYU DAN ANTI—MALAYSIA, ANTI SEGALA POLISI KITA, + KATANYA.

BELIAU MENYATAKAN TIDAK PERNAH ADA PERKATAAN YANG BAIK MENGENAI KEMAJUAN YANG TELAH KITA CAPAI DAN PERKARA INI YANG DATANGNYA DARI NEGARA—NEGARA ANGGOTA KOMANWEL SENDIRI +MENYAKITKAN HATI KITA+.

DR. MAHATHIR BERKATA, DOLEH DIKATAKAN KESEMUA MEDIA MASSA BARAT BERAT SEBELAH TERHADAP MALAYSIA DAN NEGARA—NEGARA MEMBANGUN YANG MENGHADAPI MASALAH YANG TIDAK TIMBUL DI NEGARA—MEGARA MAJU. — BERSAMBUNG 1800/1B

02/10/64  
KOMANWEL-MANHIR 4 MELBOURNE

DR. MAHATHIR BERKAGA DI SESEBUAH NEGARA MEMBANGUN, DISIPLIN ADALAH PERLU, JIKA TIDAK ADA KEJAYAANPUN YANG AKAN DICAPAI.  
+KITA TIDAK BOLEH BERSIKAP LIBERAL SEPERTI YANG DIBUAT OLEH NEGARA-NEGARA MAJU KERANA IA AKAN MEROSAKKAN NEGARA KESELURUHANNYA,+ KATANYA.

SEMENTARA ITU LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN YANG KETAT TELAH DIAMBIL TERMASUK MENERAH PASUKAN ANTI-PENGGANAS UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL YANG MULA TIBA UNTUK PERSIDANGAN YANG BERMULA MINGGU DEPAN.

KETUA NEGARA YANG PERTAMA TIBA TALAH PRESIDEN ZAMBIA, DR. KENNETH KAUNDA, QUEEN ELIZEBETH YANG AKAN MERASMIKAN PERSIDANGAN ITU DIJANGKA TIBA DARI LONDON MALAM INI.

KIRA-KIRA 2,000 PERWAKILAN TERMASUK PARA PEGAWAI DAN WARTAWAN AKHBAR DARI 44 NEGARA ANGGOTA AKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN 10 HARI ITU. — BERNAMA 1805/18